## PROGRAM PENGAJIAN DI KOLEJ PROFESIONAL MARA (KPM)

Semua program yang dijalankan di KPM adalah secara sepenuh masa. Bahasa pengantar bagi kesemua subjek adalah Bahasa Inggeris kecuali subjek Pendidikan Islam dan subjek Wajib MQA. Program-program ditawarkan adalah

- **HIGHER NATIONAL DIPLOMA (HND)**
- **DIPLOMA**
- **PERSEDIAAN**

(berikut adalah keterangan ringkas mengenai program pengajian KPM)

## HIGHER NATIONAL DIPLOMA (HND)

1. **HND in Computing (Software Development) [HND CSD]**
2. **HND in Business (Marketing) [HND BMk]**
3. **HND in Business (Information Technology) [HND BIT]**

| | | |
|---|---|---|
| Jangka masa program | : | 3½ tahun |
| Foundation HND | : | 1 ½ tahun |
| HND | : | 2 tahun |

HND ialah program yang diiktiraf di peringkat antarabangsa telah ditawarkan oleh Edexcel United Kingdom iaitu sebuah badan bertauliah yang terbesar di UK. Edexcel adalah gabungan Business and Technology Education Council (BTEC) dan London Examinations.

BTEC HND telah dirangka untuk melengkapkan pelajar dengan kemahiran yang lebih menekankan kepada kerjaya spesialis. Program ini juga menyediakan pelajar untuk pelajaran lanjutan di peringkat sarjana muda dan seterusnya.

Di KPM, program HND ditawarkan dalam **DUA** bidang, iaitu pengkomputeran dan perniagaan (pemasaran dan teknologi maklumat) untuk memenuhi keperluan tenaga kerja negara.

Sebahagian daripada kursus-kursus teras mengikut program :

**HND CSD**

- Programming Concepts
- Database Design Concepts
- Visual Programming
- Computer Platforms

- Data Analysis & Design
- Visual Programming Development
- Software Testing
- Java Programming
- Networking Concepts
- Personal Skills Development
- Software Development Project
- Website Design

**HND BMk**

- Marketing
- Managing Financial Resources and Decisions
- Organizations and Behaviour
- Business Decision Making
- Marketing Intelligence
- Business Environment
- Intorduction to the Internet & E-Business
- Internet Marketing
- Advertising & Promotion
- Working With and Leading People
- Sales Planning and Operations
- Managing Communication, Knowledge and Information

**HND BIT**

- Marketing
- Managing Financial Resources and Decisions
- Organizations and Behaviour
- Business Decision Making
- MS Office Solution Development
- Business Environment
- Information System
- Networking Concepts
- Website Design
- Internet Marketing
- Networking Technology
- Multimedia and Authoring

Prospek kerjaya mengikut program :

**HND CSD**

- Jurutera Rekabentuk Sistem
- Pembantu Jurutera Perisian
- Eksekutif IT
- Pegawai Sokongan Sistem Aplikasi

**HND BMk**

- Eksekutif Pemasaran
- Eksekutif Promosi
- Penyelidik Pemasaran
- E-Usahawan

**HND BIT**

- Eksekutif IT
- Pengurus Projek IT
- Pembantu Pengurus IT
- Pembantu Pegawai MIS

**DIPLOMA**

**4. Diploma In Accountancy (DIA)**

Jangka masa program : 3 Tahun

Merupakan program diploma pertama yang diperkenalkan oleh KPM sejak Januari 2000. Program DIA bertujuan melahirkan para pelajar yang berkemahiran dalam bidang perakaunan dan kewangan. Program ini juga dapat membantu melahirkan tenaga profesional di kalangan pelajar Melayu Bumiputera dalam melengkapkan diri untuk sama-sama bersaing untuk membantu Negara mencapai wawasan 2020.

Kursus-kursus teras :

- Financial Accounting 1 - 5
- Business Mathematics and Statistics
- Introduction to Business
- Principles of Management
- Micro and Macroeconomics
- Entrepreneurship
- Auditing
- Taxation
- Accounting Package (MYOB)
- Accounting Information System
- Management Accounting
- Cost Accounting
- Commercial & Company Law
- Financial Management
- Accounting Theory & Practice

Prospek kerjaya :

- Eksekutif Akaun
- Eksekutif Audit
- Eksekutif Percukaian

## 5. Diploma In Business Studies (DBS)

Jangka masa program : 3 Tahun

Program DBS ini bertujuan untuk melahirkan para pelajar yang berkemahiran dalam bidang perniagaan & pentadbiran dan seterusnya menjadi usahawan yang berwawasan dan berjaya.

Kursus-kursus teras :

- Financial Accounting 1 & 2
- Business Mathematics and Statistics
- Introduction to Business
- Principles of Management
- Micro and Macroeconomics
- Organizational Behaviour
- Human Resource Management/ Industrial Relations
- Commercial / Company Law
- Entrepreneurship
- Principle of Marketing
- Money & Banking
- Business Ethics
- Managerial Accounting
- Entrepreneurship
- Financial Management

Prospek kerjaya :

- Eksekutif Kewangan
- Eksekutif Pemasaran
- Eksekutif Pentadbiran

## 6. Diploma in Agro-Business (DAB)

Jangka masa program : 3 Tahun

Program Diploma in Agro-Business (DAB) adalah bertujuan untuk melatih para pelajar mendapatkan kemahiran mengamalkan teknik-teknik terkini dalam penanaman, pemeliharaan, penuaian dan pembungkusan hasil-hasil tanaman, sayur-sayuran, buah-buahan dan bunga-bungaan, teknologi reka bentuk lanskap serta pengurusan dan pemasaran hasil pertanian. Latihan atau pembelajaran yang dijalankan akan memberi penekanan kepada teknologi serta kemahiran '*hands on*' yang terkini bersesuaian dengan keperluan komersial.

Kursus-kursus teras :

- Principles of Horticulture
- Mathematics and Statistics for Business
- Horticulture Practice : Turf and Ornamental Plants
- Soils and Planting Medium
- Plant Propagation and Nursery Management
- Horticultural Pest Management
- Basic Landscape Architecture
- Business Economics
- Vegetable and Fruit Crop Production
- Garden Design and Working Drawings
- Agro-Business Marketing
- Principles of Animal Production
- Landscape Design Studio
- Niche Horticulture
- Landscape Operations & Maintenance
- Principles of Aquaculture
- Post Harvest Management

Prospek kerjaya :

- Usahawan Tani
- Eksekutif Pertanian
- Pengurusan & Pemuliharaan Taman
- Pereka Lanskap
- Pengurus dalam bidang Hortikulkutur dan Turf

## 7. Diploma In Entrepreneurship (DEn)

Jangka masa program : 3 Tahun

Diploma in Entrepreneurship (DEn) adalah program yang memberikan fokus dalam bidang keusahawanan dan perniagaan dalam usaha menambahkan bilangan usahawan Melayu/Bumiputera yang terlatih, komited dan berdaya saing. Selain pengajian akademik, pelajar juga dibekalkan dengan kursus-kursus jangka pendek dari segi praktikal dan simulasi keusahawanan. Program ini memberikan peluang kepada pelajar untuk merasai sendiri pengalaman dalam dunia perniagaan sebenar. Latihan Industri untuk tempoh sekurang-kurangnya 3 bulan memberi penekanan kepada pengalaman menubuhkan perniagaan dan pengendalian sebenar perniagaan.

Kursus-kursus teras :

- Introduction to Business & Entrepreneurship
- Principles of Marketing
- Service Marketing
- Entrepreneurial Creativity & Innovation
- Entrepreneurial Finance
- Human Resource Management
- Entrepreneurial Business Strategy
- Business Ethics
- Managerial Accounting
- Principles of Accounting
- Intermediate Computer Application
- International Business
- Managing New Venture
- Issues on Entrepreneurship
- Operations Management
- Business Economics
- Internet and Electronic Commerce
- Mathematics & Statistics for Business
- Business Law
- Practical Business English

Prospek kerjaya :

- Usahawan berdaya saing
- Eksekutif Pembangunan Perniagaan
- Eksekutif Pemasaran
- Eksekutif Pentadbiran Perniagaan

**8. Diploma In English Communication (DEC)**

Jangka masa program : 3 tahun

Kurikulum bagi program Diploma in English Communication (DEC) telah dibangunkan bersama pihak University of South Australia (UniSA). Program DEC ini bagaimanapun, telah menjadi milik MARA sepenuhnya pada Julai 2005. Program ini bertujuan untuk melatih dan mengeluarkan tenaga kerja yang mahir dalam penggunaan Bahasa Inggeris dalam bidang pengurusan perniagaan dan Information Technology (IT). Sepanjang tempoh pengajian, para pelajar akan didedahkan kepada pelbagai kemahiran komunikasi Bahasa Inggeris seperti kemahiran menulis, mendengar, membaca dan kemahiran lisan melalui proses pengajaran dan pembelajaran yang teratur dan sistematik. Selain latihan industri yang diwajibkan pada semester akhir pengajian, pelajar juga akan didedahkan kepada beberapa kursus terpilih untuk memastikan pendedahan kepada senario alam pekerjaan seperti kursus-kursus di bawah:

Kursus-kursus teras :

- Introduction to Reading
- Introduction to Writing
- Academic Reading and Writing (1,2)
- Project and Presentation
- Introduction to Business Communication
- Language Proficiency Development (Introductory, Intermediate, Advanced, Academic)
- Introduction to Computer Application
- Interpersonal Communication
- English in Media
- Introduction to Tertiary Learning
- Persuasive Communication in Business
- Group Dynamics
- Understanding Short Stories
- Public Communication Skills
- Business Correspondence
- Critical Literacy
- Research and Project
- Workplace Communication
- Computing Fundamentals
- Intercultural Communication: Society, State and the Individual
- Fundamentals of Entrepreneurship

- Business Information System
- Digital and Mobile Communication
- Principles of Marketing
- Organizational Behaviour

Prospek kerjaya :

- Pegawai Tadbir
- Wartawan
- Pegawai Pemasaran/Jualan
- Pegawai Perhubungan Awam
- Pegawai Sumber Manusia

## 9. Diploma in Computer Networking (DCN)

Jangka masa program : 3 Tahun

Diploma in Business And Computer Networking (DBN) merupakan program yang menggabungkan bidang perniagaan dan sistem rangkaian komputer. Gabungan ini berhasrat untuk melahirkan usahawan IT berteraskan sistem rangkaian dengan kelayakan profesional Cisco Certified Network Associate (CCNA) di mana ia diiktiraf oleh pihak industri. Lepasan program ini dijangka boleh bekerja terus dalam industri berkaitan kerana latihan intensif CCNA dan kursus-kursus CISCO Academy lain telah dijalankan secara '*hands on*'.

Kursus-kursus teras :

- PC Software and Hardware
- Network Operating System
- Networking Basics
- Fund. JAVA Programming
- Fund. Of UNIX
- Routers and Routing Basics
- Voice and Data Cabling
- Switching and Intermediate Routing
- Wireless LANS
- WAN Technologies and Security

Prospek kerjaya :

- Data Communication Engineer
- EDP Executive
- Server Administration
- Gateway Engineer
- IT Executive
- Linux-System Engineer
- Messaging Engineer
- MIS Engineer
- MIS Executive
- MIS Specialist
- Network Engineer
- Network Operations Controller
- Network Specialist
- Network Support Analyst
- Server Engineer
- Technical Manager
- Wireless Network Engineer

## 10. Diploma in Integrated Logistics Management (DLM)

Jangka masa program : 3 Tahun

Diploma in Integrated Logistics Management (DLM) ialah program yang menggabungkan bidang perniagaan, pengurusan dan operasi logistik. Gabungan ini berhasrat untuk melahirkan usahawan logistik berteraskan Teknologi Maklumat. Program ini dibangunkan bersama USAINS Holding Sdn. Bhd., sebuah syarikat di bawah naungan Universiti Sains Malaysia. Lepasan program ini dijangka boleh bekerja terus dalam industri berkaitan kerana latihan industri selama enam bulan telah melengkapkan pelajar-pelajar dengan pengalaman pembelajaran secara 'hands on'.

Sebahagian daripada kursus-kursus teras :

- Principles of Operation Management
- Introduction to Materials Management
- Business Statistics
- Management of Business Logistics
- International Logistics Management
- Entrepreneurial Business Plan

- Logistics: Principles and Applications
- Logistics and Distribution Management
- Warehouse and Handling Technology
- Management of Transportation
- Innovation Management Team
- Strategic Management

Prospek kerjaya :

- Pengurus Operasi
- Eksekutif Logistik
- Eksekutif Perkhidmatan Penghantaran dan Pelanggan

## 11. Diploma In International Business (DIB)

Jangka masa program: 3 tahun

Program ini bertujuan untuk melatih dan mengeluarkan tenaga kerja yang mempunyai kemahiran tinggi dan berpengetahuan mendalam mengenai perniagaan antarabangsa. Selain mempunyai kemahiran teknikal mengenai organisasi dan pengurusan syarikat multinasional, graduan yang dihasilkan juga berkebolehan menyesuaikan amalan antarabangsa dengan keperluan domestik di samping mempunyai pengetahuan dalam menerokai pasaran baru yang berpotensi di peringkat antarabangsa. Pelajar juga didedahkan kepada penggunaan bahasa ketiga iaitu Mandarin. Bagi mendapatkan pendedahan secara langsung, di samping latihan industri yang diwajibkan pada semester akhir pengajian, program juga merangkumi lawatan sambil belajar ke tempat-tempat berkaitan seperti pelabuhan.

Kursus-kursus teras :

- Principles of Accounting
- Introduction to Business
- Business Economics
- Business Mathematics
- Principles of Management
- International Economics
- Statistics
- Principles of Marketing
- Business Information system
- International Business Law
- International Business Logistics Management

- E-Commerce
- Financial Management
- Managerial Accounting
- International Business management
- International Business Policy
- Entrepreneurship
- Global Supply Chain Management
- Business Ethics
- Export management
- Emerging Markets

Prospek kerjaya :

- Penolong Pengurus di syarikat-syarikat logistik tempatan dan antarabangsa
- Eksekutif dalam sektor perkilangan dan pembuatan tempatan dan antarabangsa
- Esksekutif di syarikat-syarikat perkhidmatan

## 12. Diploma In Islamic Banking and Finance (DBF)

Jangka masa program : 3 Tahun

Program ini bertujuan untuk melatih dan mengeluarkan tenaga kerja yang mempunyai kemahiran bagi memenuhi permintaan dan keperluan kepada graduan dalam bidang perbankan Islam di dalam dan luar negara. Program ini memberi pendedahan kepada konsep, prinsip, fungsi dan tuntutan amalan-amalan institusi kewangan dan perbankan Islam. Selain itu graduan program ini juga berpengetahuan mengaplikasi dan menghubungkait teori perbankan dan kewangan Islam dengan bidang-bidang ilmu lain seperti perakaunan, pengurusan, perundangan, perdagangan, shari'ah dan lain-lain. Latihan industri sebagai syarat wajib dalam program mengukuhkan pengetahuan graduan dalam situasi pekerjaan dan keperluan industri sebenar.

Kursus-kursus teras :

- Financial Accounting 1 & 2
- Accounting for Islamic Financial Institutions
- Principles of Management / Financial Management / Islamic Wealth Management
- Islamic Financial Systems & Capital Market
- Islamic Banking Products & Services
- Economics - Micro / Micro / Islamic

- Fiqh Muamalat 1 & 2
- Takaful
- Marketing
- Entrepreneurship
- Business Mathematics
- Commercial Law
- Statistics
- Banking Management and Marketing

Prospek kerjaya :

- Penolong Pengurus di institusi kewangan dan perbankan tempatan dan antarabangsa
- Eksekutif dalam sektor kewangan dan perbankan tempatan dan antarabangsa
- Eksekutif di syarikat-syarikat perkhidmatan

## 13. Diploma In Business & Digital Creative Media Production ( DDC )

Jangka masa program : 3 tahun

Diploma in Business and Digital Creative Media Production merupakan satu program yang mengintegrasikan bidang kreativiti dan pengimejan digital dengan bidang perniagaan atau keusahawanan. Program ini dijangka mampu untuk mengimbangi disiplin ilmu perniagaan dan keusahawanan dengan ilmu artistik dan kreativiti digital secara holistic bagi melahirkan graduan yang mempunyai keterbezaan berbanding program yang sedia ada di pasaran.

Graduan yang lahir dari program ini juga pasti akan dapat memenuhi guna tenaga bumiputera dalam bidang digital kreatif serta mempunyai keterampilan dalam ilmu perniagaan dan keusahawanan.

Sebahagian daripada kursus-kursus teras :

- Digital Design
- Visual & Screen Perception
- Introduction To Digital 3D
- Digital 3D Animation
- Motion Graphics Design
- Editing & Compositing
- Digital Visual Effects

- Digital Media Production Techniques
- Final Short Film Project

Prospek kerjaya :

- Pereka grafik
- Pereka animasi (animator)
- Pereka iklan
- Usahawan dalam bidang :
  - Percetakan & rekabentuk grafik – banner, bunting, backdrop, kad, etc.
  - Periklanan – Menghasilkan iklan & rekabentuk grafik (bercetak/elektronik), membangunkan laman web, etc.
  - Multimedia – membangunkan perisian multimedia
  - Produksi – menghasilkan filem animasi / kesan visual dalam filem

**14. Diploma in Construction Management (DCM)**

Jangka masa program : 3 Tahun

Program DCM dibangunkan bagi melahirkan graduan yang mempunyai kemahiran tinggi dalam pengurusan dan aspek teknologi pembinaan daripada bermula hingga berakhirnya sesuatu peojek pembinaan. Pengetahuan seperti penyediaan bajet sesuatu projek, perancangan, pengurusan kualiti, pentadbiran dan aspek keselamatan projek juga merangkumi amalan-amalan professional dalam bidang pembinaan akan diterapkan kepada graduan.

Bakal graduan DCM boleh memilih samada untuk memiliki perniagaan sendiri, memasuki industri pasaran pekerjaan, atau memohon kepada universiti di dalam atau luar negara untuk mengikuti program pelajaran lanjutan di peringkat ijazah di bidang pembinaan sekiranya memenuhi syarat.

Selaras dengan kata-kata "Construction is the catalyst of the growth of a country", Program DCM ini dilihat akan dapat memenuhi keperluan pekerjaan bagi sektor sokongan di dalam industri pembinaan, kerana keperluannya memang sentiasa bertambah dari tahun ke tahun.

Kursus-kursus teras :

- Introduction to Business
- Information Technology Fundamentals
- Introduction to Construction
- Economics Principles
- Principles of Management
- Financial Accounting I
- Construction Mathematics
- Structural Theories
- Construction Material
- Civil Engineering Construction
- Commercial & Construction Law
- Construction Drawing
- Contract Administration
- Construction Productivity & Quality
- Construction Project Management
- Construction Technology
- Financial Management
- Estimation.
- Research Methodology and Proposal
- Entrepreneurship

Prospek kerjaya :

- Penyelia Projek Pembinaan
- Projek Eksekutif
- Eksekutif Kontrak Pembinaan
- Penolong Pengurus Projek Pembinaan
- Pengurus Projek Pembinaan
- Eksekutif Jualan Pembinaan

Dengan kemahiran mengendalikan program-program yang telah sedia ada, KPM menjangkakan penawaran program DCM ini bakal meningkatkan kredibilitinya di dalam mengendalikan program-program profesional.

**PERSEDIAAN**

**15. Program Intensif Persediaan (PIP)**

Jangka masa program : 5 bulan

Bagi pelajar-pelajar yang berminat untuk mengikuti program diploma/ HND di KPM tetapi tidak mencapai syarat kelayakan minimum mereka boleh memohon untuk mengikuti program PIP di KPM. Mereka yang tamat serta lulus dan mencapai gred seperti yang disyaratkan boleh meneruskan pengajian ke peringkat diploma/ HND.
Program PIP ini bertujuan mengukuhkan lagi pengetahuan para pelajar dalam penggunaan Bahasa Inggeris dan Matematik. Kursus yang diambil semasa di peringkat PIP adalah seperti berikut:

Kursus :

- English
- Mathematics
- Information Technology
- Pendidikan Islam

**16. London Chamber Commerce Industry (LCCI)**

Jangka masa program : 2 tahun

London Chamber Commerce Industry (LCCI) merupakan program antarabangsa yang berstatus separa profesional. Ia dianugerah oleh Educational Development International (EDI), sebuah badan yang bertauliah di United Kingdom. Walaupun program ini setara dengan kelulusaan A-Level ataupun STPM, namun ia dianggap sebagai pasport kerjaya untuk bersaing dalam bidang pekerjaan memandangkan pelajar didedahkan kepada piawaian peringkat antarabangsa untuk memenuhi permintaan alaf baru dari syarikat-syarikat luar negara serta syarikat-syarikat tempatan.

Lulusan LCCI juga mudah untuk meneruskan pengajian di peringkat diploma, ijazah sarjana muda ataupun profesional dalam bidang perakaunan, kewangan dan pengurusan seperti *The Association of Chartered Certified Accountants (ACCA), The Chartered Institute of Management Accountants (CIMA.)*

Sebahagian daripada kursus-kursus teras :

- Book Keeping & Accounts
- Business Calculations
- Business Statistics
- Cost Accounting
- Accounting
- Advanced Business Calculations
- Management Accounting

Prospek kerjaya :

- Penyimpan Kira-Kira
- Kerani/Eksekutif Akaun

## LALUAN AKADEMIK / PELAJARAN LANJUTAN

Pelajar-pelajar yang berjaya mendapat Diploma/HND di KPM dan juga memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Institusi Pendidikan Tinggi Awam/Swasta (IPTA/IPTS) boleh melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah di IPT berkenaan. Pindahan kredit bergantung kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh IPT berkenaan.

(Pada amnya semua program Diploma/HND yang dijalankan di KPM telah mendapat akreditasi/pengiktirafan oleh MQA /JPA kecuali bagi program-program baru yang masih dalam proses untuk mendapatkannya)




**PEMBIAYAAN PENGAJIAN**

KPM adalah Institusi Pengajian Tinggi Kerajaan (IPTK). Oleh yang demikian yuran pengajian dibiayai oleh MARA. Walau bagaimanapun bayaran minimum bagi urusan pendaftaran dan hal-hal berkaitan dikenakan kepada semua pelajar pada setiap semester. Elaun pelatih disediakan kepada semua pelajar mengikut syarat-syarat berkuatkuasa.